



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 23 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI TAMBAH PERUNTUKAN RM62 JUTA BANTU PESAWAH, SH - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MARDI REALISASIKON HASRAT PENIAGA KELUAR PES KARI, KARI BAKAR, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI tambah peruntukan RM62 juta bantu pesawah



PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan peruntukan tambahan RM62 juta kepada pesawah yang terjejas akibat kenaikan harga racun bagi memulakan tanaman musim 1/2022.

Menterinya, Datuk Dr Seri Dr Ronald Kiandee, berkata peruntukan tambahan itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 300,000 pesawah yang mengusahakan 620,000 hektar kawasan penanaman.

Katanya, peruntukan itu tambahan RM100 kepada bantuan subsidi racun sebanyak RM200 yang diterima pesawah sebelum ini, manakala subsidi baja diteruskan.

"Pihak kementerian sentiasa mencari jalan untuk membantu pesawah dan petani walaupun berlaku kenaikan mendadak harga racun di pasaran dunia," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 1972- 2022 di Ladang Merdeka, Jelor, di sini hari ini.

Ronald berkata, kenaikan harga racun dan baja mungkin menjejaskan sektor pertanian lain, namun bagi pesawah, mereka sentiasa dijaga kerajaan yang memberikan pelbagai inisiatif seperti Skim Inisiatif Pengeluaran Padi (SIPP) dan subsidi baja.

Katanya, selain menjaga kebajikan pesawah dari sudut kos pengurusan, kementerian juga sentiasa mencari jalan meningkatkan pengeluaran hasil padi negara, antaranya menerusi Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Sekian lama kita bagi subsidi baja dan racun, bantuan itu kita kekalkan. Menerusi SMART SBB pula, kita tingkatkan pengeluaran padi dan beras. Jika sekarang mampu hasilkan empat tan setiap hektar, kita sasar mampu keluarkan tujuh hingga lapan tan setiap hektar," katanya.

Beliau berkata, peningkatan hasil padi mampu dijayakan dengan aplikasi teknologi dan pengurusan yang efisien, termasuk kerjasama pintar agensi dan pihak swasta.

Ronald turut menyaksikan Majlis Tandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara KADA dan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) serta MoU di antara KADA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi membangunkan projek SMART SBB di Pasir Puteh dan Pasir Mas.

Bagi kawasan Pasir Puteh, seluas 34 hektar ladang Merdeka Jelor, selain 100 hektar di Bunut Susu, Pasir Mas akan dilaksanakan program SMART SBB bersama BERNAS dengan kos anggaran RM10 juta bagi tempoh 15 tahun, merangkumi pembiayaan infrastruktur dan pengairan serta penyuburan tanah bagi projek sulung SMART SBB di Kelantan itu.

Program SMART SBB menjadi hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang dilaksanakan MAFI bagi meningkatkan produktiviti mencapai tahap sara diri (SSL) beras ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12, iaitu sebanyak 75 peratus daripada SSL sekarang pada 70 peratus.



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (kiri)
menyempurnakan Majlis Pelancaran Logo
Sambutan 50 tahun Lembaga Kemajuan
Pertanian Kemubu (KADA) 1972-2022 di
Ladang Merdeka, Jelor, Pasir Puteh, Kelantan,
hari ini. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

23 JAN, 2022

MARDI realisasikan hasrat peniaga keluar pes kari, ikan bakar

Mingguan Sarawak, Malaysia

MARDI realisasikan hasrat peniaga keluar pes kari, ikan bakar



KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu Mohd Iskandar Muhammad Aziz (tengah) diiringi pemilik kedai Abdul Mutalib Mohamad, 38, (dua, kanan) memasak kari ikan pada Majlis Pelancaran Pes D'River di Warung Santal D'River, Kampung Pasir Tinggi, Kuala Terengganu, semalam. *Foto BERNAMA

ja di dua cawangan kedai makan tersebut.

Terletak di tepi Sungai Terengganu dekat Kampung Pasir Tinggi di sini, kedai makan WSDR menjadi kumpulan orang ramai dan pernah luar sebelum ini kerana menu utamanya, kan kepala ikan adalah hidangan yang jarang dijual oleh restoran atau kedai makan yang lain di sekitar Terengganu.

Mengakui tidak pernah mengikuti sebarang kursus masakan secara rasmi, Abdul Mutalib berkata resipi kari kepala ikan itu dipelajari daripada ibunya, Saadiah Awang, 65, yang berasal dari Singapura.

"Ibu saya pernah bekerja sebagai tukang giling rempah kari di restoran mamak di Singapura... apabila sudah ber-

win, dia berpindah ke Terengganu dan saya sangat menggemari masakan kari ibu kerana keunikannya tidak sama seperti kari yang lain.

"Tidak sangka pula, sambutan kari kepala ikan di WSDR ini sangat menggalakkan dan saya bersyukur kerana akhirnya dapat memenuhi permintaan pelanggan untuk menjual pes kari ini agar mereka dapat menyedikannya dengan lebih mudah dan menikmati pada bila-bila masa," katanya.

Harapannya, agar peniaga lain turut mengintai peluang yang disediakan kerajaan untuk membantu mereka membangunkan lagi perniagaan seterusnya meneroka pasaran di luar negara. - Bernama

KUALA TERENGGANU: Seorang pemilik kedai makan bersyukur kerana hasratnya untuk mengeluarkan sendiri pes kari dan ikan bakar yang sering mendapat permintaan tinggi pelanggan akhirnya tercapai setelah mengikuti kursus di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Abdul Mutalib Mohamad, 38, yang mula berniaga secara kecil-kecilan pada tahun 2015 berkata, MARDI banyak membantunya dalam mengendalikan proses untuk mengeluarkan produk pes kari ikan, kari ayam dan daging serta pes ikan bakar jenama Warung Santal D'River (WSDR).

Bellau berkata buat permulaan, pihaknya mengeluarkan 1,000 paket pes tersebut untuk dijual di lima cawangan Pasaraya Sabasun seluruh Terengganu dan di dua cawangan WSDR iaitu di Kuala Terengganu dan Paka.

"Saya juga telah mendapat tawaran awal dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk menembusi pasaran Dubai serta beberapa negara Asia Tenggara

yang lain dalam masa terdekat.

"Selain itu, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu juga banyak membantu dari segi promosi dan bimbingan perniagaan. Tanpa bantuan semua agensi dan jabatan kerajaan ini, impian untuk mengeluarkan sendiri pes jenama sendiri mungkin agak sukar dicapai," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran pes kari WSDR yang diselenggarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu Mohd Iskandar Muhammad Aziz di sini, semalam.

Abdul Mutalib berkata, bellau menggunakan modal sendiri sebanyak RM10,000 hasil keuntungan di dua cawangan kedai makan WSDR sebagai permulaan untuk mengeluarkan pes tersebut.

"Setiap kali pelanggan tanya sama ada pes kari dan ikan bakar turut dijual, saya hanya

mampu berkata ia akan dikeluarkan tidak lama lagi sedangkan saya sendiri tidak tahu bagaimana caranya untuk mengeluarkan pes jenama sendiri.

"Hasrat saya tercapai apabila seorang rakan mencadangkan agar saya mengikuti kursus di MARDI Terengganu pada tahun lepas dan terus berusaha merealisikannya dalam tempoh tidak sampai dua bulan," katanya yang kini mempunyai 30 pekerja.



PEKERJA Reen Khaleeda Abdullah, 38, menunjukkan tiga paket pes yang dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu Mohd Iskandar Muhammad Aziz pada Majlis Pelancaran Pes D'River di Warung Santal D'River, Kampung Pasir Tinggi, Kuala Terengganu, semalam. *Foto BERNAMA



23 JAN, 2022

MARDI realisasikon hasrat peniaga keluar pes kari, ikan bakar

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu Mohd Iskandar Muhammad Aziz (tengah) diiringi pemilik kedai Abdul Mutalib Mohamad, 38, (dua, kanan) memasak kari ikan pada Majlis Pelancaran Pes D'River di Warung Santai D'River, Kampung Pasir Tinggi, Kuala Terengganu, semalam.